

Headline **Lambakan karya terjemahan**
Date **16 Sep 2009**
MediaTitle **Berita Harian**
Section **Hip**
Journalist **Rashiqah Ilmi Abd Rahim**
Frequency **Daily**
Circ / Read **192,917 / 1,521,000**

Language **Malay**
Page No **16**
Article Size **472 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **10,012**
PRValue **30,036**



Lambakan karya terjemahan

Beri saingan sengit atau meriahkan industri penerbitan buku tempatan?

Oleh **Rashiqah Ilmi
Abd Rahim**
rashiqah@nstp.com.my

INDUSTRI penerbitan buku di Malaysia masih mundur dengan kadar penerbitan buku tidak melebihi 10,000 judul setahun selain jenis dan kualitinya terbatas, menjadikan Malaysia ketinggalan jauh berbanding Korea, Jepun, Taiwan dan negara jiran, Indonesia.

Sungguhpun demikian, mutakhir ini semakin banyak karya terjemahan boleh diperolehi di pasaran dengan sesetengah karya kreatif dianggap tidak perlu dibawa masuk ke negara ini memandangkan Malaysia mempunyai ramai pengarang dan buku mereka silih berganti khususnya novel popular.

Tindakan penerbit tempatan membawa masuk karya asing, baik buku agama mahupun kreatif yang diterjemahkan ke bahasa Melayu, memungkinan beberapa pengarang negara seberang muncul sebagai buku laris di pasaran selama berminggu-minggu, seolah-olah penulis tempatan tidak berwibawa.

Fenomena ini didakwa mendorong penerbit buku tempatan berlumba-lumba mendapatkan karya terjemahan untuk dipasarkan di negara ini memandangkan keuntungan sudah terjamin meskipun tidak dapat ditolak mereka juga bimbang kerana hakikatnya kos buku terjemahan adalah tinggi.

Ini disebabkan kos terjemahan yang dikira pada kadar lazim seperti Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Institut Terjemahan Negara (ITNM) dan Persatuan Penterjemah Malaysia (PPM) sebanyak 15 sen satu perkataan dianggap tinggi.

Selain itu, kecenderun-

Headline **Lambakan karya terjemahan**
 Date **16 Sep 2009**
 MediaTitle **Berita Harian**
 Section **Hip**
 Journalist **Rashiqah Ilmi Abd Rahim**
 Frequency **Daily**
 Circ / Read **192,917 / 1,521,000**

Language **Malay**
 Page No **16**
 Article Size **472 cm²**
 Color **Full Color**
 ADValue **10,012**
 PRValue **30,036**

gan penulis tempatan menghasilkan karya motivasi dan cinta berbanding *thriller* dan fiksyen sains menyebabkan pembaca mula mengubah selera dengan mendapatkan buku penerbit luar negara dan karya terjemahan.

Pengerusi Kumpulan PTS Publishers dan Distributors Sdn Bhd, Aion Mohd, yakin bahawa pasaran buku di Malaysia belum mengalami lambakan karya terjemahan kerana kebanyakan kedai buku hanya mengimport buku dalam kategori laris di pasaran.

"Jangan hanya membaca buku import dari Amerika. Orang Amerika hanya membaca buku karya penulis mereka," katanya pada pertemuan dengan *Sastera* di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Malaysia baginya wajar mencontohi Sweden, Denmark, Norway, Belanda, Austria, Belgium, Switzerland dan Belanda dengan 70 peratus buku yang dibaca

rakyatnya adalah buku terjemahan dalam bahasa tempatan dari pelbagai bahasa dunia.

"Kedai buku di negara berkenaan hanya memamerkan sekitar 1 hingga 5 peratus judul Inggeris, itu pun untuk pasaran rakyat asing yang tinggal di sana. Sebagai contoh, di sebuah kedai buku di Amsterdam yang pernah saya lawati, ada sembilan karya Pramoedya Ananta Toer diterjemahkan ke dalam bahasa Belanda," jelasnya.

Bagaimanapun, beliau tidak menafikan industri buku tempatan masih jauh tertinggal di belakang berbanding negara Timur lain seperti Jepun, Korea, Taiwan, Thailand dan Indonesia.

"Penerbitan buku negara adalah industri kritikal. Tidak ada bangsa di dunia ini yang maju melainkan industri bukunya maju sama. Di Malaysia, industri buku adalah suatu perniagaan yang tidak didukung

oleh kerajaan.

"Jika kerajaan menyediakan dana RM50 juta setahun bagi dipinjamkan kepada penerbit filem, tetapi untuk penerbit buku walau RM1 tiada dana disediakan," katanya.

Seperti Aion, Pengurus Pemasaran KarnaDya Solution Sdn Bhd, Faiz Al-Shahab, tidak bersetuju lambakan karya terjemahan dalam industri buku negara ini diperbesarkan kerana karya sedemikian tiada kemampuan menggugat teks tempatan sekiranya penulis tempatan berani mencuba genre fiksyen sains yang semakin mendapat perhatian pembaca.

Faiz mendedahkan, novel popular yang menjadi genre kegemaran pembaca Malaysia pada masa kini sudah popular 15 tahun lalu di Indonesia dan kini mereka menumpukan perhatian terhadap novel *chicklit*, baik yang diterjemahkan dari Amerika atau ditulis asli dalam bahasa Indonesia.

"Bagi saya penghasilan karya terjemahan di Malaysia masih lembap kerana tidak banyak syarikat penerbitan yang berani mengeluarkan karya terjemahan," ujarnya.

Beliau yakin bahawa Malaysia mampu mengangkat taraf industri penerbitan buku negara, sekiranya semua pihak bekerjasama, manakala rakyat Malaysia pula perlu membudayakan amalan membaca dan mencintai ilmu tanpa mengira peringkat umur selain kerajaan pula perlu lebih peka dengan masalah syarikat penerbitan terutama yang kecil.

"Penerbit buku tempatan perlu mengorak langkah dengan lebih berani, kreatif dan inovatif, agar industri penerbitan buku Malaysia terus berkembang maju setanding negara lain selain berani menerima kemasukan karya terjemahan dalam pasaran tempatan," tegasnya.

Faiz Al-Shahab
 Pengurus Pemasaran
 KarnaDya Solution
 Sdn Bhd



“Industri penerbitan tempatan memerlukan lambakan karya terjemahan kerana rakyat Malaysia perlu membaca teks dari seluruh jagat, agar

*minda bangsa
 kita seluas dunia"*

Aion Mohd
 Pengerusi Kumpulan
 PTS Publishers dan
 Distributors Sdn Bhd



“Di Indonesia, lambakan karya terjemahan tidak menggugat kedudukan penulis mereka kerana aspek dan gaya penceritaan berbeza selain penulisan penulis mereka ada keistimewaan tersendiri”



SEBAHAGIAN daripada karya terjemahan dari Indonesia dan Australia yang kini berada di pasaran buku negara.